

---

## KETAGIHAN MEROKOK DAN TINGKAH LAKU AGRESIF DALAM KALANGAN REMAJA MOROKOK DI SEBUAH SEKOLAH MENENGAH DI PERAK

\*Muhammad Razlan Bin Mat Ghani, Guan Teik Ee, & Jusiah Binti Idang

Faculty of Psychology and Education, Univeristy Malaysia Sabah

\*Corresponding e-mail: inspirasiveryon88@gmail.com

*Received date: 4 July 2021; Accepted date: 26 November 2021*

**Abstrak:** Ketagihan merokok dan tingkah laku agresif merupakan hasil daripada perkembangan remaja yang tidak sihat. Antara faktor yang memberi kesan kepada perkembangan tingkah laku remaja ialah faktor demografi dan status sosioekonomi (SES). Namun masih kurang kajian yang mengaitkan ketagihan merokok dengan tingkah laku agresif serta dengan faktor sosiodemografi. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan ketagihan merokok dan tingkah laku agresif dan perbezaan dari aspek demografi dan status sosioekonomi (SES). Kajian berbentuk kuantitatif dijalankan kepada 109 orang remaja berumur 13, 14, dan 16 tahun yang merokok. Soal selidik *The Hooked on Nicotine Checklist* (HONC) dan *The Reactive – Proactive Questionnaire* (RPQ) digunakan untuk mengukur ketagihan merokok dan tingkah laku agresif manakala aspek sosiodemografi dilihat secara deskriptif. Ujian Kolerasi Pearson, ANOVA Sehala, dan Ujian-t sampel bebas digunakan untuk menganalisis data. Dapatkan kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan ketagihan merokok dengan tingkah laku agresif remaja merokok. Selain itu, terdapat perbezaan yang signifikan ketagihan merokok berdasarkan tahap ketagihan nikotin. Kajian secara kualitatif perlu dijalankan untuk mendapatkan hasil kajian yang lebih menyeluruh.

**Kata kunci:** Remaja Merokok, Ketagihan Merokok, Tingkah Laku Agresif

**Abstract:** *Smoking addiction and aggressive behavior are the result of the development of unhealthy adolescents. Among the factors that affect the development of adolescent behavior are demographic factors and socioeconomic status (SES). Yet there are still few studies linking*

*smoking addiction to aggressive behavior as well as to sociodemographic factors. Therefore, this study aims to look at the relationship between smoking addiction and aggressive behavior and differences in terms of demographics and socioeconomic status (SES). A quantitative study was conducted on 109 adolescents aged 13, 14, and 16 years who smoked. The Hooked on Nicotine Checklist (HONC) and The Reactive - Proactive Questionnaire (RPQ) questionnaires were used to measure smoking addiction and aggressive behavior while sociodemographic aspects were viewed descriptively. Pearson Correlation Test, One-Way ANOVA, and independent sample t-test were used to analyze the data. The findings show that there is no significant relationship between smoking addiction and aggressive adolescent smoking. In addition, there are significant differences in smoking addiction-based nicotine addiction levels. Qualitative research needs to be conducted to obtain more comprehensive research results.*

**Keywords:** *Smoking Adolescent, Smoking Addiction, Aggression Behavior*

## **PENGENALAN**

Peringkat remaja merupakan satu peringkat yang kritikal. Pada peringkat ini berlaku perkembangan tingkah laku yang akan dikekalkan pada peringkat dewasa (Green et al. 2018). Pada peringkat remaja, perkembangan fizikal, sosial, emosi dan kognitif berlaku dengan pantas dan menentukan tingkah laku remaja sama ada baik atau buruk. Ketagihan merokok dan tingkah laku agresif merupakan salah satu kesan daripada perkembangan remaja yang buruk.

Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (2017) statistik perokok dalam kalangan pelajar Malaysia menunjukkan tren yang membimbangkan. Daripada sejumlah 4,888,600 orang pelajar sekolah diseluruh Malaysia pada tahun 2017, seramai 1 nisbah 10 orang pelajar akan merokok. Berdasarkan Laporan Statistik Jenayah Malaysia (2019) bagi dua tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2017 dan 2018, bilangan pesalah juvana menurun 2.7 peratus pada tahun 2018 (5,294) berbanding 2017 (5,443).

Faktor demografi adalah faktor yang penting kerana memberi gambaran awal seseorang individu dan menjadi faktor risiko terhadap tingkah laku

seperti ketagihan merokok dan tingkah laku agresif (Watkins et al. 2019). Antara ciri-ciri demografi ialah umur dan jantina. Status sosioekonomi (SES) merujuk kepada kedudukan seseorang dalam struktur masyarakat berpandukan faktor sosial atau ekonomi (Galobardes et al. 2006). Berdasarkan kepada petunjuk faktor sosial dan ekonomi, wujud kelompok SES yang tinggi, SES pertengahan, dan SES rendah (Piotrowska et al. 2015).

### **Permasalahan Kajian**

Ketagihan merokok dan tingkah laku agresif merupakan salah satu kesan daripada perkembangan remaja yang negatif. Terdapat kajian terkini berhubung dengan status kesihatan rakyat Malaysia menerusi National Health and Morbidity Survey (2015) telah memberi gambaran terhadap keseriusan isu budaya merokok di kalangan remaja Malaysia. Manakala Fakulti Sains Kesihatan Universiti Kebangsaan Malaysia menjalankan kajian mengenai Merokok di Malaysia 2016 melaporkan lima juta perokok negara ini terdiri daripada individu berusia bawah 18 tahun pada 2010. (Harian Metro 2018).

Dapatkan data kajian yang dinyatakan oleh kajian kesihatan dan morbiditi kebangsaan (2017) pula menunjukkan remaja merokok seawal di tingkatan satu. Malah penglibatan pelajar perempuan juga kian meningkat. Dapatkan ini jelas menunjukkan satu tren yang membimbangkan kerana tingkah laku merokok bukan sahaja meningkat dikalangan remaja lelaki sahaja tapi juga pada remaja perempuan.

Malah turut membimbangkan adalah merokok pada setiap hari adalah penentu utama kepada ketagihan merokok dan remaja mengekalkan tingkah laku merokok sehingga mereka dewasa (Saddleson et al. 2016), Hal ini jelas menunjukkan merokok memberikan kesan yang tidak baik kepada kesihatan dan juga tingkah laku remaja.

Selain itu tingkah laku merokok juga boleh mendorong remaja kepada tingkah laku agresif seperti mana yang dinyatakan oleh Allegri et al. (2018) bahawa kanak-kanak yang merokok akan mula mewarisi tingkah laku agresif apabila meningkat remaja. Malah kanak-kanak yang terdedah terdedah dengan asap rokok sahaja pun boleh menyebabkan kanak-kanak tersebut ketagihan merokok dan mempunyai tingkah laku agresif pada peringkat remaja menurut (De Genna et al. 2019).

---

Walaupuan data yang dilaporan oleh Statistik Jenayah Malaysia (2019) bagi dua tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2017 dan 2018, bilangan pesalah juvana menurun 2.7 peratus pada tahun 2018 (5,294) berbanding 2017 (5,443) namun dari segi angka masih menunjukkan satu jumlah angka yang agak membimbangkan.

Oleh itu menilai remaja ketagihan merokok dari segi demografi dan status sosioekonomi merupakan satu langkah ke arah pencegahan merokok dalam kalangan remaja dan belum pernah dilakukan (Nur Atikah et al. 2019). Begitu juga dengan kajian hubungan tingkah laku agresif dengan faktor demografi dan status sosioekonomi masih belum dilakukan di Malaysia (Fauzi et al. 2020). Kebanyakkann kajian tingkah laku agresif di Malaysia lebih memberi fokus kepada kecerdasan emosi (Masoumeh, 2018), persekitaran keluarga (Azmawati et al. 2015), serta guru dan rakan sebaya (Duru, 2015).

## **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk:

- Mengenalpasti hubungan antara ketagihan merokok dan tingkah laku agresif dalam kalangan remaja.
- Mengenalpasti perbezaan ketagihan merokok berdasarkan umur dalam kalangan remaja.
- Mengenalpasti perbezaan tingkah laku agresif berdasarkan umur dalam kalangan remaja.
- Mengenalpasti perbezaan ketagihan merokok berdasarkan jantina dalam kalangan remaja.
- Mengenalpasti perbezaan tingkah laku agresif berdasarkan jantina dalam kalangan remaja.
- Mengenalpasti perbezaan ketagihan merokok berdasarkan pendapatan keluarga dalam kalangan remaja.
- Mengenalpasti perbezaan tingkah laku agresif berdasarkan pendapatan keluarga dalam kalangan remaja.
- Mengenalpasti perbezaan tingkah laku agresif berdasarkan tahap ketagihan nikotin dalam kalangan remaja.

## **Hipotesis Kajian**

Hipotesis nol dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara ketagihan merokok dan tingkah laku agresif dalam kalangan remaja.

- Tidak terdapat perbezaan yang signifikan ketagihan merokok berdasarkan umur dalam kalangan remaja.
- Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tingkah laku agresif berdasarkan umur dalam kalangan remaja.
- Tidak terdapat perbezaan yang signifikan ketagihan merokok berdasarkan jantina dalam kalangan remaja.
- Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tingkah laku agresif berdasarkan jantina dalam kalangan remaja.
- Tidak terdapat perbezaan yang signifikan ketagihan merokok berdasarkan pendapatan keluarga dalam kalangan remaja.
- Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tingkah laku agresif berdasarkan pendapatan keluarga dalam kalangan remaja.
- Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tingkah laku agresif berdasarkan tahap ketagihan nikotin dalam kalangan remaja.

## **KAJIAN LEPAS**

Ketagihan merokok dalam kalangan remaja telah menjadi satu masalah serius di sekolah. Walaubagaimanpun hubungan antara ketagihan merokok terhadap tingkah laku agresif terus menjadi persoalan. Kajian lepas (De Genna et al. 2015) mendapati kanak-kanak yang terdedah dengan asap rokok akan mengalami ketagihan merokok dan cenderung untuk bertingkah laku agresif apabila meningkat remaja. Bercanggah dengan kajian-kajian lepas (Park et al. 2020) ketagihan merokok tidak menyebabkan tingkah laku agresif tetapi hubungan ibu bapa yang mempengaruhi tingkah laku agresif dalam kalangan remaja.

Kajian lepas (Reidpath et al. 2014) yang menyatakan terdapat perbezaan ketagihan merokok berdasarkan umur dalam kalangan remaja merokok. Selain itu, kajian lepas (Hawkins et al. 2016) mendapati tidak terdapat perbezaan ketagihan berdasarkan umur dalam kalangan remaja merokok. Kajian lepas juga menunjukkan terdapat perbezaan tingkah laku agresif berdasarkan umur dalam kalangan remaja merokok (Foshee et al. 2016). Selain itu, kajian lepas (Euler et al. 2017; dan Sharma & Sangwan, 2015) yang menyatakan tidak terdapat perbezaan tingkah laku agresif berdasarkan umur dalam kalangan remaja merokok.

Dari segi jantina, kajian lepas (Chun dan Chung, 2013; Moor et al. 2015; dan Dahlui et al. 2014) menyatakan terdapat perbezaan ketagihan merokok berdasarkan jantina dalam kalangan remaja. Sebaliknya, kajian

lepas (Calleja, 2016) yang menyatakan tidak terdapat perbezaan antara remaja lelaki dan remaja perempuan dalam ketagihan merokok. Seterusnya kajian lepas juga mendapat terdapat perbezaan tingkah laku agresif berdasarkan jantina dalam kalangan remaja merokok (Calleja, 2016; dan Chun dan Chung, 2013). Selain itu, (Young et al. 2017) menyatakan tidak terdapat perbezaan tingkah laku agresif berdasarkan jantina dalam kalangan remaja merokok.

Melihat dari sudut status sosioekonomi seperti pendapatan keluarga juga penting dalam usaha mengawal ketagihan merokok dan tingkah laku agresif dalam kalangan remaja merokok di sekolah. Dari segi pendapatan keluarga, kajian lepas menunjukkan terdapat perbezaan ketagihan merokok berdasarkan pendapatan keluarga dalam kalangan remaja merokok (Moor et al. 2015; West et al. 2007; dan Green, 2018). Namun begitu, kajian lepas (Schori et al. 2014) yang menyatakan tidak terdapat perbezaan ketagihan merokok berdasarkan umur dalam kalangan remaja merokok. Kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan tingkah laku agresif berdasarkan pendapatan keluarga dalam kalangan remaja merokok (Deane et al. 2018). Sebaliknya, kajian lepas (Yu, 2019, dan Sharma dan Sangwa, 2015) yang menyatakan tidak terdapat perbezaan tingkah laku agresif berdasarkan pendapatan keluarga dalam kalangan remaja merokok.

Ketagihan nikotin juga menjadi salah satu punca utama perkembangan tingkah laku berisiko seperti tingkah laku agresif. Kajian lepas menunjukkan terdapat perbezaan signifikan tingkah laku agresif berdasarkan ketagihan nikotin (Chan et al. 2016). Walaubagaimanapun, terdapat juga kajian lepas yang membuktikan tidak terdapat perbezaan tingkah laku agresif berdasarkan ketagihan nikotin (Vörös et al. 2005).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Populasi kajian adalah seramai 680 orang pelajar. Responden dipilih melalui kaedah pensampelan bertujuan berdasarkan ciri-ciri yang ditetapkan oleh pengkaji. Sampel kajian adalah 109 orang pelajar dari sekolah (*hotspot*) di daerah Kampar, Perak yang terlibat dengan tingkah laku merokok. Pengkaji tidak melibatkan pelajar daripada kelas peperiksaan iaitu Tingkatan 3 dan Tingkatan 5 dalam kajian ini sebagaimana arahan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

---

## Instrumen Kajian

### *Bahagian A: Maklumat Diri Pelajar*

Soal selidik bahagian A adalah berkaitan dengan maklumat diri responden. Pengkaji membentuk sendiri bahagian tersebut untuk melihat ciri demografi responden secara jelas dan mendapatkan maklumat tentang maklumat diri responden. Antara item yang terkandung dalam bahagian A ialah umur (14, 15 dan 16), jantina (lelaki, perempuan) dan pendapatan keluarga (kurang 1000, 1001 – 4000, lebih 4000).

### *Bahagian B: The Hooked on Nicotine Checklist (HONC)*

The Hooked on Nicotine Checklist (HONC) (Difranza et al. 2002) digunakan untuk menentukan permulaan dan kekuatan terhadap ketagihan nikotin. Soal selidik ini mengandungi 10 item dengan pilihan jawapan “ya” atau “tidak”. Skor dikira dengan menjumlahkan bilangan jawapan “ya”. Skor HONC lebih atau sama dengan 1 ( $\geq 1$ ) menunjukkan individu mengalami ketagihan merokok manakala skor kurang daripada 1 ( $< 1$ ) menunjukkan individu mempunyai autonomi penuh terhadap penggunaan rokok membawa maksud individu tidak mempunyai masalah jika tidak merokok dalam jangka masa yang lama. Soal Selidik HONC versi Bahasa melayu mempunyai nilai alfa Cronbach  $\alpha=0.924$  (Nur Atikah et al. 2019).

### *Bahagian C: The Reactive – Proactive Questionnaire (RPQ)*

The Reactive – Proactive Questionnaire (RPQ) (Raine et al. 2006) digunakan untuk mengukur tingkah laku agresif remaja. Soal selidik ini mengandungi 23 item dengan skala 3 mata (0 = tidak pernah, 1 = kadang-kadang, 2 = selalu). Item 2, 4, 6, 9, 10, 12, 15, 17, 18, 20, 21, 23 merupakan item bagi agresif proaktif manakala item 1, 3, 5, 7, 8, 11, 13, 14, 16, 19, 22 merupakan item bagi agresif reaktif. Skor agresif proaktif dan agresif reaktif dijumlahkan untuk mendapat skor agresif keseluruhan. Soal selidik ini mempunyai ketekalan dalaman yang tinggi 0.86 untuk agresif proaktif, dan 0.84 untuk agresif reaktif, dan 0.90 untuk skor agresif keseluruhan (Fung et al. 2009). Nilai alfa Cronbach untuk soal selidik ini adalah  $\alpha=0.84$ .

## Prosedur Kajian

Kajian ini dilaksanakan melalui kebenaran dari pihak sekolah. Pelajar yang dipilih adalah pelajar yang dikategorikan sebagai merokok oleh guru disiplin sekolah. Penyelidik mengedarkan soal selidik kepada

responden yang telah dipilih. Penyelidik menerangkan kepada responden mengenai tujuan kajian dijalankan dan cara menjawab soal selidik kepada responden. Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan IBM SPSS v.25 dan laporan dapatkan kajian disediakan.

### **Analisis Data**

Pembolehubah diskriptif dan kategori dilihat dari segi frekuensi dan peratus. Ujian kolerasi Pearson digunakan untuk melihat hubungan antara ketagihan merokok, dan tingkah laku agresif dalam kalangan remaja merokok, manakala ujian-t dan ujian ANOVA untuk melihat perbezaan faktor demografi, dan faktor status sosioekonomi terhadap ketagihan merokok, dan tingkah laku agresif dalam kalangan remaja merokok. Maklumat yang dikumpulkan akan dianalisis dengan menggunakan perisian IBM SPSS v.25.

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **Analisis Deskriptif**

Jadual 1 menunjukkan maklumat peribadi responden merangkumi umur, jantina, pendapatan keluarga, dan tahap ketagihan nikotin.

**Jadual 1: Demografi Responden**

<b>Pembolehubah</b>	<b>N</b>	<b>%</b>
<i>Umur</i>		
13	45	41.3
14	31	28.4
15	33	30.3
<i>Jantina</i>		
Lelaki	72	66.1
Perempuan	37	33.9
<i>Pendapatan Keluarga</i>		
Kurang RM1000.00	67	61.5
RM1001.00 hingga RM4000.00	39	35.8
Lebih RM4000.00	3	2.8
<i>Tahap Ketagihan</i>		
Tidak Ketagih	15	13.8
Ketagih	94	86.2

### **Analisis Inferensi**

#### *Hubungan Ketagihan Merokok dan Tingkah Laku Agresif*

Jadual 2 menunjukkan nilai pekali Pearson hubungan ketagihan merokok dan tingkah laku agresif. Keputusan menunjukkan tidak terdapat hubungan antara ketagihan dan tingkah laku agresif dengan nilai  $r = -.034$ ,  $n=109$ ,  $p > .05$ . Oleh itu Hipotesis nol yang dibina iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan antara ketagihan merokok dan tingkah laku agresif dalam kalangan remaja merokok adalah diterima.

Jadual 2: Hubungan Ketagihan Merokok dan Tingkah Laku Agresif

Pembolehubah	N	r	p
Ketagihan Merokok	109	-.034	.727
Tingkah Laku Agresif			

$P>0.05$

#### *Perbezaan Ketagihan Merokok Berdasarkan Umur*

Jadual 3 menunjukkan analisis ujian ANOVA sehala perbezaan Ketagihan Merokok Berdasarkan Umur. Ujian ANOVA menunjukkan tidak terdapat perbezaan skor yang signifikan antara kumpulan umur 13 tahun, 14 tahun, dan 16 tahun dengan nilai  $F (2, 106) = 1.170$ ,  $p>.05$ . Oleh itu Hipotesis nol yang dibina iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan ketagihan merokok berdasarkan umur dalam kalangan remaja merokok adalah diterima.

Jadual 3: Perbezaan Ketagihan Merokok Berdasarkan Umur

	Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Antara Kumpulan	8.149	2	4.075	1.170	.314
Dalam Kumpulan	369.117	106	3.482		
Jumlah	377.266	108			

#### *Perbezaan Tingkah Laku Agresif Berdasarkan Umur*

Jadual 4 menunjukkan hasil analisis ujian ANOVA sehala bagi perbezaan tingkah laku agresif berdasarkan umur. Ujian ANOVA sehala menunjukkan tiada terdapat perbezaan skor yang signifikan antara kumpulan umur 13 tahun, 14 tahun, dan 16 tahun dengan nilai  $F (2, 106) = .173$ ,  $p>.05$ . Oleh itu Hipotesis nol yang dibina iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan tingkah laku agresif berdasarkan umur dalam kalangan remaja merokok adalah diterima.

Jadual 4: Perbezaan Tingkah Laku Agresif Berdasarkan Umur

Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
------------------	----	---------------	---	------

Antara Kumpulan	11.080	2	5.540	.173	.841
Dalam Kumpulan	3388.186	106	31.964		
Jumlah	3399.266	108			

### *Perbezaan Ketagihan Merokok Berdasarkan Jantina*

Jadual 5 menunjukkan hasil ujian-t bagi perbezaan ketagihan merokok berdasarkan jantina. Ujian-t menunjukkan tiada terdapat perbezaan skor yang signifikan ( $t = -.592$ ,  $df = 107$ ,  $p > .05$ ) antara kumpulan lelaki, dan perempuan. Oleh itu Hipotesis nol yang dibina iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan ketagihan merokok berdasarkan jantina dalam kalangan remaja merokok adalah diterima.

**Jadual 5: Perbezaan Ketagihan Merokok Berdasarkan Jantina**

Jantina	Bil.	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	df	Sig.
Lelaki	72	1.6944	1.95469	-.592	107	.555
Perempuan	37	1.9189	1.70585			

### *Perbezaan Tingkah Laku Agresif Berdasarkan Jantina*

Jadual 6 hasil ujian-t bagi perbezaan tingkah laku agresif berdasarkan jantina. Ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan skor yang signifikan ( $t = .991$ ,  $df = 107$ ,  $p > .05$ ) antara kumpulan lelaki, dan perempuan. Oleh itu Hipotesis nol yang dibina iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan tingkah laku agresif berdasarkan jantina dalam kalangan remaja merokok adalah diterima.

**Jadual 6: Perbezaan Tingkah Laku Agresif Berdasarkan Jantina**

Jantina	Bil.	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	df	Sig.
Lelaki	72	9.6111	5.43996	.991	107	.324
Perempuan	37	8.4865	5.93306			

### *Perbezaan Ketagihan Merokok Berdasarkan Pendapatan Keluarga*

Jadual 7 menunjukkan analisi ujian ANOVA sehala bagi perbezaan Ketagihan Merokok Berdasarkan Pendapatan Keluarga. Jadual ANOVA menunjukkan tidak terdapat perbezaan skor yang signifikan antara kumpulan pendapatan keluarga kurang daripada RM 1000.00, RM1001.00 hingga RM4000.00, lebih daripada RM4000 dengan nilai F ( $2, 106$ ) = .120,  $p > .05$ . Oleh itu Hipotesis nol yang dibina iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan ketagihan merokok berdasarkan pendapatan keluarga dalam kalangan remaja merokok adalah diterima.

Jadual 7: Perbezaan Ketagihan Merokok Berdasarkan Pendapatan Keluarga

	Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Antara Kumpulan	.851	2	.426	.120	.887
Dalam Kumpulan	376.415	106	3.551		
Jumlah	377.266	108			

*Perbezaan Tingkah Laku Agresif Berdasarkan Pendapatan Keluarga*

Jadual 8 menunjukkan analisis ujian ANOVA sehala bagi perbezaan tingkah laku agresif berdasarkan pendapatan keluarga. Jadual ANOVA menunjukkan tidak terdapat perbezaan skor yang signifikan antara kumpulan pendapatan keluarga kurang daripada RM 1000.00, RM1001.00 hingga RM4000.00, lebih daripada RM4000 dengan nilai F (2, 106) = 1.744,  $p > .05$ . Oleh itu Hipotesis nol yang dibina iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan tingkah laku agresif berdasarkan pendapatan keluarga dalam kalangan remaja merokok adalah diterima.

Jadual 8: Perbezaan Tingkah Laku Agresif Berdasarkan Pendapatan Keluarga

	Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Antara Kumpulan	108.263	2	54.132	1.744	.180
Dalam Kumpulan	3291.003	106	31.047		
Jumlah	3399.266	108			

*Perbezaan Tingkah Laku Agresif Berdasarkan Ketagihan Nikotin*

Jadual 9 menunjukkan analisis ujian-t bagi perbezaan tingkah laku agresif berdasarkan ketagihan nikotin. Ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan ( $t = 2.409$ ,  $df = 107$ ,  $p < .05$ ) antara kumpulan ketagihan nikotin dan tidak ketagihan nikotin. Oleh itu Hipotesis nol yang dibina iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan tingkah laku agresif berdasarkan ketagihan nikotin dalam kalangan remaja merokok adalah ditolak.

Jadual 9: Perbezaan Tingkah Laku Agresif Berdasarkan Ketagihan Nikotin

Tahap Ketagihan	Bil.	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	df	Sig.
Kurang 1	15	12.4000	6.34485	2.409	107	.018
Sama Atau Lebih 1	94	8.7234	5.34891			

## **PERBINCANGAN**

Kajian ini menunjukkan remaja berumur 13 tahun lebih banyak menjadi perokok berbanding remaja berumur 14 tahun dan 16 tahun. Remaja lelaki lebih banyak terlibat dalam masalah merokok berbanding remaja perempuan. Dalam kajian ini juga, kebanyakan remaja yang merokok berasal daripada keluarga yang berpendapatan kurang RM1000.00. Akhir sekali, remaja yang ketagih nikotin lebih ramai daripada remaja yang tidak ketagih nikotin.

Kajian menunjukkan ketagihan merokok tidak mempunyai hubungan dengan tingkah laku agresif dalam kalangan remaja merokok. Dapatkan kajian ini selari dengan kajian lepas (Chun dan Chung, 2013) yang menyatakan ketagihan merokok tidak mempengaruhi tingkah laku agresif dan tidak selari dengan kajian lepas (De Genna et al. 2015) yang menyatakan ketagihan merokok mempunyai hubungan dengan tingkah laku agresif dan tingkah laku agresif yang menyebabkan ketagihan merokok (Park et al. 2020).

Seterusnya kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan ketagihan merokok berdasarkan umur dalam kalangan remaja merokok. Dapatkan kajian ini selari dengan kajian lepas (Hawkins et al. 2016) yang menyatakan tidak terdapat perbezaan ketagihan berdasarkan umur dalam kalangan remaja merokok dan tidak selari dengan kajian lepas (Reidpath et al. 2014) yang menyatakan terdapat perbezaan ketagihan merokok berdasarkan umur dalam kalangan remaja merokok.

Selain itu, kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan tingkah laku agresif berdasarkan umur dalam kalangan remaja merokok. Dapatkan kajian ini selari dengan kajian lepas (Euler et al. 2017; dan Sharma & Sangwan, 2015) yang menyatakan tidak terdapat perbezaan tingkah laku agresif berdasarkan umur dalam kalangan remaja merokok dan tidak selari dengan kajian lepas (Foshee et al. 2016) yang menyatakan terdapat perbezaan tingkah laku agresif berdasarkan umur dalam kalangan remaja merokok.

Dari segi jantina, kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan ketagihan merokok berdasarkan jantina dalam kalangan remaja merokok. Dapatkan kajian ini selari dengan kajian lepas (Calleja, 2016) yang menyatakan tidak terdapat perbezaan antara remaja lelaki dan remaja perempuan

---

dalam ketagihan merokok dan tidak selari dengan kajian lepas (Siciliano et al. 2013; Chun dan Chung, 2013; Moor et al. 2015; dan Dahlui et al. 2014) yang menyatakan terdapat perbezaan ketagihan merokok berdasarkan jantina dalam kalangan remaja merokok.

Seterusnya kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan tingkah laku agresif berdasarkan jantina dalam kalangan remaja merokok. Dapatkan kajian ini selari dengan kajian lepas (Young et al. 2017) yang menyatakan tidak terdapat perbezaan tingkah laku agresif berdasarkan jantina dalam kalangan remaja merokok dan tidak selari dengan kajian lepas (Calleja, 2016; dan Chun dan Chung, 2013) yang menyatakan terdapat perbezaan tingkah laku agresif berdasarkan jantina dalam kalangan remaja merokok.

Dari segi pendapatan keluarga, kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan ketagihan merokok berdasarkan pendapatan keluarga dalam kalangan remaja merokok. Dapatkan kajian ini selari dengan kajian lepas (Schori et al. 2014) yang menyatakan tidak terdapat perbezaan ketagihan merokok berdasarkan umur dalam kalangan remaja merokok dan kajian tidak selari dengan kajian lepas (Moor et al. 2015; West et al. 2007; Lund, 2015; dan Green, 2018) yang menyatakan terdapat perbezaan ketagihan merokok berdasarkan pendapatan keluarga dalam kalangan remaja merokok.

Kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan tingkah laku agresif berdasarkan pendapatan keluarga dalam kalangan remaja merokok. Dapatkan kajian adalah selari dengan kajian lepas (Yu, 2019, dan Sharma dan Sangwa, 2015) yang menyatakan tidak terdapat perbezaan tingkah laku agresif berdasarkan pendapatan keluarga dalam kalangan remaja merokok dan tidak selari dengan kajian lepas (Deane et al. 2018) yang menyatakan terdapat perbezaan tingkah laku agresif berdasarkan pendapatan keluarga dalam kalangan remaja merokok.

Akhir sekali, kajian menunjukkan terdapat perbezaan signifikan tingkah laku agresif berdasarkan ketagihan nikotin dikalangan remaja yang merokok. Dapatkan kajian ini selari dengan kajian lepas (Chan et al. 2016) yang menyatakan terdapat perbezaan tingkah laku agresif berdasarkan ketagihan nikotin. Banyak kajian telah membuktikan ketagihan merokok menyebabkan tingkah laku agresif (Chun dan Chung, 2013). Berdasarkan

teori insentif-sensitisasi (DiFranza et al. 2002), ketagihan nikotin disebabkan keseronokan dan keinginan yang kuat. Hal ini kerana, nikotin bertindak balas di otak dan menghasilkan keseronokan dengan cepat dan kuat berbanding perangsang biasa seperti makanan. Kesan penggunaan nikotin akan menyebabkan kegalian dan remaja terdesak untuk merokok semula akhirnya menyebabkan hilang autonomi ke atas rokok. Kegalian ini juga akan menyebabkan remaja bertingkah laku agresif (Sukhodolsky et al. 2016). Walaubagaimanapun, dapanan kajian ini tidak selari dengan kajian lepas (Vörös et al. 2005) yang menyatakan tidak terdapat perbezaan tingkah laku agresif berdasarkan ketagihan nikotin.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan analisis keseluruhan kajian yang telah dijalankan ini, jelas menunjukkan ketagihan merokok tidak mempengaruhi tingkah laku agresif, dan berbeza mengikut umur, jantina dan pendapatan keluarga dalam kalangan remaja merokok. Walaubagaimanapun kedua-dua tingkah laku berisiko ini perlu ditangani untuk membantu remaja untuk mengubah tingkah laku mereka ke arah yang lebih baik dalam menjalani dan memenuhi keperluan sehari-hari di samping mengajar remaja untuk lebih bertanggungjawab terhadap diri dan juga orang lain seterusnya mampu berkembang menjadi insan yang unggul. Guru-guru perlu lebih prihatin kepada permasalahan yang berlaku dalam kalangan remaja bagi membantu pelajar-pelajar mengurangkan ketagihan merokok dan tingkah laku agresif ke arah yang lebih positif. Sokongan moral, emosi dan hubungan yang baik dalam keluarga, rakan sebaya dan pihak sekolah sebenarnya dapat dilihat sebagai aset yang penting untuk mencegah masalah disiplin dalam kalangan remaja serta membantu perkembangan mereka pada masa kini. Secara keseluruhannya, kajian ini memperolehi dapanan yang memberangsangkan dan turut menjawab kesemua persoalan kajian yang telah dikemukakan di peringkat awal kajian.

## **RUJUKAN**

- Calleja, N. (2016). Bullying y Tabaco: ¿Se Encuentran Asociados? TT - Bullying and Tobacco: Are They Associated? *Acta de Investigación Psicológica*. [https://doi.org/10.1016/s2007-4719\(16\)30055-2](https://doi.org/10.1016/s2007-4719(16)30055-2)
- Chan, S. F., & La Greca, A. M. (2016). Cyber Victimization and Aggression: Are They Linked with Adolescent Smoking and

- 
- Drinking? Child and Youth Care Forum.  
<https://doi.org/10.1007/s10566-015-9318-x>
- Chan, S. F., La Greca, A. M., & Peugh, J. L. (2019). Cyber victimization, cyber aggression, and adolescent alcohol use: Short-term prospective and reciprocal associations. *Journal of Adolescence*. <https://doi.org/10.1016/j.adolescence.2019.05.003>
- Chun, J. S., & Chung, I. J. (2013). Gender differences in factors influencing smoking, drinking, and their co-occurrence among adolescents in South Korea. *Nicotine and Tobacco Research*. <https://doi.org/10.1093/ntr/nts181>
- Conger, R. D., Wallace, L. E., Sun, Y., Simons, R. L., McLoyd, V. C., & Brody, G. H. (2002). Economic pressure in African American families: A replication and extension of the family stress model. *Developmental Psychology*, 38, 179–193. <http://psycnet.apa.org/doi/10.1037/0012-1649.38.2.179>
- Dahlui, M., Jahan, N. K., Majid, H. A., Jalaludin, M. Y., Murray, L., Cantwell, M., Su, T. T., Al-Sadat, N., Omar, M., Mohamed, M. H. N., Sutan, R., & Azmi, N. M. (2015). Risk and protective factors for cigarette use in young adolescents in a school setting: What could be done better? *PLoS ONE*, 10(6). <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0129628>
- Dauphinee, A. L., Doxey, J. R., Schleicher, N. C., Fortmann, S. P., & Henriksen, L. (2013). Racial differences in cigarette brand recognition and impact on youth smoking. *BMC Public Health*, 13(1), 170–177.
- Deane, K., Richards, M., Mozley, M., Scott, D., Rice, C., & Garbarino, J. (2018). Posttraumatic Stress, Family Functioning, and Externalizing in Adolescents Exposed to Violence: A Moderated Mediation Model. *Journal of Clinical Child and Adolescent Psychology*. <https://doi.org/10.1080/15374416.2016.1197836>
- De Genna, N., Goldschmidt, L., & Cornelius, M. (2015). Prenatal cigarette smoke exposure, childhood aggression and adolescent cigarette use. *Drug and Alcohol Dependence*. <https://doi.org/10.1016/j.drugalcdep.2014.09.172>
- Difranza, J. R., Savageau, J. A., Fletcher, K., Ockene, J. K., Rigotti, N. A., McNeill, A. D., Coleman, M., & Wood, C. (2002). Measuring the loss of autonomy over nicotine use in adolescents: The DANDY (Development and Assessment of Nicotine

- 
- Dependence in Youths) study. *Archives of Pediatrics and Adolescent Medicine.* <https://doi.org/10.1001/archpedi.156.4.397>
- Elmasry, N., Fouad, A., Khalil, D., & Sherra, K. (2016). Physical and verbal aggression among adolescent school students in Sharkia, Egypt: prevalence and risk factors. *Egyptian Journal of Psychiatry.* <https://doi.org/10.4103/1110-1105.195547>
- Everett, S.A., Warren, C.W., Sharp, D., Kann, L., Husten, C.G., Crossett, L.S., 1999. Initiation of cigarette smoking and subsequent smoking behavior among U.S. high school students. *Prev. Med.* 29, 327–333.
- Euler, F., Steinlin, C., & Stadler, C. (2017). Distinct profiles of reactive and proactive aggression in adolescents: Associations with cognitive and affective empathy. *Child and Adolescent Psychiatry and Mental Health.* <https://doi.org/10.1186/s13034-016-0141-4>
- Fauzi, F. A., Zulkefli, N. A. M., & Baharom, A. (2020). Prediction and explanation on adolescent aggression: A study protocol. *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences.*
- Foshee, V. A., McNaughton Reyes, H. L., Chen, M. S., Ennett, S. T., Basile, K. C., DeGue, S., Vivolo-Kantor, A. M., Moracco, K. E., & Bowling, J. M. (2016). Shared Risk Factors for the Perpetration of Physical Dating Violence, Bullying, and Sexual Harassment Among Adolescents Exposed to Domestic Violence. *Journal of Youth and Adolescence.* <https://doi.org/10.1007/s10964-015-0404-z>
- Fung, A. L., Raine, A., & Gao, Y. (2009). Cross- cultural generalizability of the Reactive- Proactive Aggression Questionnaire (RPQ). *Journal of Personality Assessment, 91*(5), 473-479.
- Galobordes B, Shaw M, Lawlor DA, et al. Indicators of socioeconomic position (part 1). *J Epidemiol Community Health* 2006, 60, 7–12.
- Giovino, G. A., Villanti, A. C., Mowery, P. D., Sevilimedu, V., Niaura, R. S., Vallone, D. M., & Abrams, D. B. (2013). Differential trends in cigarette smoking in the USA: Is menthol slowing progress? *Tobacco Control, 1–10* (tobaccocontrol-2013)
- Green, M. J., Stritzel, H., Smith, C., Popham, F., & Crosnoe, R. (2018). Timing of poverty in childhood and adolescent health: Evidence from the US and UK. In *Social Science and Medicine* (Vol. 197, pp. 136–143). <https://doi.org/10.1016/j.socscimed.2017.12.004>

- 
- Hawkins, S. S., Bach, N., & Baum, C. F. (2016). Impact of Tobacco Control Policies on Adolescent Smoking. *Journal of Adolescent Health*. <https://doi.org/10.1016/j.jadohealth.2016.02.014>
- Huang, G. C., Soto, D., Fujimoto, K., & Valente, T. W. (2014a). The interplay of friendship networks and social networking sites: Longitudinal analysis of selection and influence effects on adolescent smoking and alcohol use. *American Journal of Public Health*, 104(8), e51–e59.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2019). *Laporan Statistik Jenayah Malaysia*. Diperoleh daripada <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=OWZSTkRPbGxwREpFbjRjZ2w1OUGUT09>
- Kalaboka S, Piau JP, King G, Moreau D, Choquet M, Annesi-Maesano I. Sex and gender differences in tobacco smoking among adolescents in French secondary schools. *Monaldi Arch Chest Dis*. 2016; 69:142–51.
- McPherson, M., Smith-Lovin, L., & Cook, J. M. (2001). BIRDS OF A FEATHER: Homophily in Social Networks. *Annual Review of Sociology*, 27, 415.  
<https://doi.org.ezproxy.ums.edu.my/10.1146/annurev.soc.27.1.415>
- Moor, I., Rathmann, K., Lenzi, M., Pförtner, T. K., Nagelhout, G. E., De Looze, M., Bendtsen, P., Willemse, M., Kannas, L., Kunst, A. E., & Richter, M. (2015). Socioeconomic inequalities in adolescent smoking across 35 countries: A multilevel analysis of the role of family, school and peers. *European Journal of Public Health*, 25(3), 457–463. <https://doi.org/10.1093/eurpub/cku244>
- Nur Atikah, A. H., Wee, L. H., Nur Zakiah, M. S., Chan, C. M. H., Mohamed Haniki, N. M., Swinderjit, J. S., & Siau, C. S. (2019). Factors associated with different smoking statuses among Malaysian adolescent smokers: A cross-sectional study. *BMC Public Health*, 19. <https://doi.org/10.1186/s12889-019-6857-3>
- Institute for Public Health (IPH) 2017. National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2017: Adolescent Health Survey 2017, Malaysia.
- Park, S., & Kim, J. (2020). Patterns of Problem Behaviors and Predictors of Class Membership among Adolescents in the Republic of Korea: A Latent Class Analysis. *Journal of Child and Family Studies*. <https://doi.org/10.1007/s10826-019-01688-y>

- 
- Primack, B. A., Bost, J. E., Land, S. R., & Fine, M. J. (2007). Volume of tobacco advertising in African American markets: Systematic review and meta-analysis. *Public Health Reports*, 122(5), 607–615.
- Reidpath, D. D., Davey, T. M., Kadirvelu, A., Soyiri, I. N., & Allotey, P. (2014). Does one cigarette make an adolescent smoker, and is it influenced by age and age of smoking initiation? Evidence of association from the U.S. Youth Risk Behavior Surveillance System (2011). *Preventive Medicine*, 59(1), 37–41. <https://doi.org/10.1016/j.ypmed.2013.11.011>
- Schori D, Hofmann K, Abel T. (2014). Social inequality and smoking in young Swiss men: intergenerational transmission of cultural capital and health orientation. *Int J Environ Res Public Health*, 59: 261–70.
- Sharma, D., & Sangwan, S. (2015). Physical, verbal and relational aggression among adolescents. *Advance Research Journal of Social Science*. <https://doi.org/10.15740/has/arjss/6.2/160-164>
- Sukhodolsky, D. G., Wyk, B. C. V., Eilbott, J. A., McCauley, S. A., Ibrahim, K., Crowley, M. J., & Pelphrey, K. A. (2016). Neural Mechanisms of Cognitive-Behavioral Therapy for Aggression in Children and Adolescents: Design of a Randomized Controlled Trial Within the National Institute for Mental Health Research Domain Criteria Construct of Frustrative Non-Reward. *Journal of Child and Adolescent Psychopharmacology*. <https://doi.org/10.1089/cap.2015.0164>
- Vörös, V., Fekete, S., Hewitt, A., & Osváth, P. (2005). Suicidal behavior in adolescents--psychopathology and addictive comorbidity. *Neuropsychopharmacologia Hungarica: A Magyar Pszichofarmakológiai Egyesület Lapja = Official Journal of the Hungarian Association of Psychopharmacology*.
- Watkins, D., Hale, J., Hutchinson, B., Kataria, I., Kontis, V., & Nugent, R. (2019). Investing in non-communicable disease risk factor control among adolescents worldwide: A modelling study. *BMJ Global Health*. <https://doi.org/10.1136/bmjgh-2018-001335>
- Weiss, B., Nguyen, T., Trung, L., Ngo, V., & Lau, A. (2019). Tobacco Smoking and Antisocial Deviance among Vietnamese, Vietnamese-American, and European-American Adolescents. *Journal of Abnormal Child Psychology*, 47(1), 59–69. <https://doi.org/10.1007/s10802-018-0416-8>

- 
- West, P., Sweeting, H., & Young, R. (2007). Smoking in Scottish youths: Personal income, parental social class and the cost of smoking. *Tobacco Control*, 16(5), 329–335.  
<https://doi.org/10.1136/tc.2006.018721>
- Young, R., Len-Ríos, M., & Young, H. (2017). Romantic motivations for social media use, social comparison, and online aggression among adolescents. *Computers in Human Behavior*.  
<https://doi.org/10.1016/j.chb.2017.04.021>
- Yu, J. J. (2019). Longitudinal typologies of perceived parent-child conflict and their correlates in adolescence. *Children and Youth Services Review*.  
<https://doi.org/10.1016/j.chlyouth.2018.12.026>